



Perpindahan Asri tanda 'tak stabil'

ALOR SETAR, Rabu (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mensifatkan perpindahan pengkalan politik Yang Dipertua Agung PAS Datuk Haji Mohamad Asri Muda dari Kelantan untuk bertanding di kawasan Parlimen Padang Te-

rap, Kedah sebagai ketidak stabilan politik tokoh PAS itu sendiri.

Mengulas tentang perpindahan itu beliau berkata, Datuk Asri terpaksa lari dari kawasan lamanya Nilam Puri kerana rakyat negeri Kelantan tidak lagi yakin terhadap pimpinan Datuk Asri sebagai wakil rakyat mereka di negeri itu.

Katanya, perpindahan itu adalah juga satu pukulan politik

terhadap jentera parti PAS dalam pilihanraya ini.

"Rakyat hendaklah faham kenapa Datuk Asri terpaksa lari dari negeri yang partinya telah memerintah lebih 19 tahun."

"PAS tidak ada lagi pengkalan di Kelantan dan sekarang mencari tempat baru untuk bermastautin" tambah beliau.

Bellau berkata, pihak Barisan Nasional akan memberi tentangan hebat kepada semua calon PAS di mana mereka bertanding termasuk Datuk Asri sendiri.

Dato Seri Dr. Mahathir percaya rakyat negeri Kedah tentu tidak mahu mengalami nasib yang sama dengan rakyat negeri Kelantan semasa PAS memerintah negeri itu.

Memandangkan faktor itu beliau yakin rakyat negeri Kedah akan menolak calon-calon PAS yang bertanding di negeri ini untuk memegang tampuk pemerintahan negeri ini.

Bellau mengingatkan Datuk Asri supaya jangan memainkan politik yang tidak jujur dalam usahanya memancing undi rakyat di kawasan Parlimen Padang Terap yang mempunyai 33,019 orang pemilih.

Sementara itu, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menifatkan perjuangan PAS di Kelantan sebagai tidak mempunyai apa-apa erti lagi kerana "nakhoda sudah hilang."

Katanya, Datuk Haji Mohamad Asri selaku Yang Dipertua Agung PAS sendiri sudah hilang kepercayaan kepada kebolehan parti itu di negeri ini.

"Amatlah tidak wajar sebagai nakhoda sebuah kapal Datuk Asri terjun menyelamatkan dirinya dan membiarkan kapal tersebut tenggelam bersama kelas dan penumpang." katanya.

Tengku Razaleigh berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan kertas pencalonannya bagi bertanding merebut kerusi Parlimen Ulu Kelantan di Dewan Bandaran Jajahan ini pagi tadi.

DENGAN penuh keyakinan dan keyakinan riang, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad (no. 3 dari kanan) sedang melangkah ke Pejabat Daerah Kubang Pasu, Kedah untuk mengemukakan kertas pencalonannya pagi semalam.

Dato Seri Dr. Mahathir tetap bertanding di kawasan Parlimen lamanya, Kubang Pasu. Beliau akan ditentang oleh Calon PAS, Encik Halim Arshad, seorang ahli perniagaan.

Lebih 2,000 orang penyokong Barisan Nasional mengiringi Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan dua orang calon yang lain dari pejabat UMNO Jalan Masjid satu batu ke pejabat daerah. — Gambar Berita Harian.

No. Seri: 1347
No. Pen: 1018/30